



KENYATAAN MEDIA KUMPULAN RAMLY

Kumpulan Ramly merujuk kepada satu hebahan media pada/sekitar 12hb April 2024 yang dilakukan oleh seorang yang bernama Ronald Chong Kok Hoong menerusi Facebook dan di siarkan oleh akhbar digital Focus Malaysia, yang kami percaya dengan sengaja secara langsung melibatkan Tanda Dagangan Kumpulan Ramly. Tindakan sebegini telah mengganggu gugat reputasi dan perniagaan Kumpulan Ramly dan yang lebih kritikal lagi telah mengganggu keharmonian masyarakat dan agama Islam.

Untuk makluman pengguna, Tanda Dagangan Ramly telah didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan pematuhan di bawah Akta Cap Dagangan 1976

Trade Mark No : 2015001995
Class : 16,29,30,32,35 dan 38

dan akta ini menegaskan bahawa Tanda Dagangan hendaklah dibaca dan dipaparkan dalam keadaan asal. Jadi, "ignorance of law is not an excuse."

Menyedari bahawa ia sengaja diterbalikkan, Pihak Syarikat telah membuat laporan Polis bagi melindungi kepentingan perniagaan kami.

Dilampirkan sesalinan Laporan Polis (No. Repot: JINJANG006492/24) untuk pengetahuan umum.

Kumpulan Ramly juga tidak akan teragak agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap apa jua provokasi dan tindakan yang cuba mengganggu gugat reputasi dan perniagaan yang telah di usahakan sejak sekian lama.

-TAMAT-